

PERKEMBANGAN ISLAM DI KELANTAN: ANALISIS TERHADAP MANUSKRIP SEJARAH

NEGERI KELANTAN

(*The Development of Islam in Kelantan: Analysis on the Manuscript of Sejarah Negeri Kelantan*)

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin* & Norhayati Haji Hamzah**

Abstrak

Kajian ini memfokus kepada sejarah perkembangan pemerintahan Islam di negeri Kelantan bermula dari zaman Sultan Mansur Syah (1465-1526 M) hingga ke zaman Long Sulaiman Bin Long Bahar (1733-1756 M) berdasarkan manuskrip *Sejarah Negeri Kelantan* (SNK) yang telah ditulis oleh Abdullah Bin Hj. Wansa Patani pada tahun 1309 H/1891 M. Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan metode analisis kandungan. Teknik dokumentasi dan instrumen temu bual telah diaplikasi dalam pengumpulan data manakala pendekatan induktif telah digunakan bagi menganalisis data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pemerintahan Islam di negeri Kelantan pada masa tersebut telah didominasi oleh tiga keturunan iaitu keturunan Sultan Mansur Syah, keturunan Jembal dan keturunan Patani. Pemerintahan Islam di negeri Kelantan telah mengalami proses perkembangan sejarah yang panjang melibatkan takhta pemerintahan. Di samping itu, kajian mendapati bahawa zaman pemerintahan yang paling cemerlang ialah zaman pemerintahan Cik Siti Wan Kembang (1024-1088 H/ 1615-1677 M) kerana tiada pergolakan politik berlaku serta kehidupan rakyat aman dan tenteram disebabkan perkembangan ekonomi yang pesat. Tambahan pula pada zaman ini, Kelantan menjadi bertambah masyhur sebagai pusat perdagangan. Selain itu, perkembangan pemerintahan Islam di negeri Kelantan juga telah mengalami beberapa konflik dan peristiwa seperti perang saudara dan hubungan diplomatik dengan negara Siam.

Kata kunci: Sejarah Islam, manuskrip Sejarah Negeri Kelantan, Abdullah bin Hj. Wansa Patani, perkembangan Islam di Kelantan

Abstract

This research focuses on the history of the development of Islamic rule in the state of Kelantan from the time of Sultan Mansur Syah (1465-1526 AD) to Long Sulaiman Bin Long Bahar (1733-1756 AD) based on the manuscript of Sejarah Negeri Kelantan (SNK) written by Abdullah Bin Hj. Wansa Patani in 1309 H / 1891 M. This study is a qualitative research that employed the method of content analysis. The technique of documentation and the instrument of interview were applied in data collection while inductive approach was utilized for data analyzing. The findings show that Islamic rule in the state of Kelantan at that time was dominated by three descendants that of Sultan Mansur Syah, Jembal and Patani. The Islamic government in Kelantan has gone through a long process of historical development involving the kingdom's throne. In addition, the research reveals that the most remarkable period of reign was that of the Cik Siti Wan Kembang (1024-1088 H / 1615-1677 M) as political crisis did not occur and the people were living peacefully due to the rapid economic development. Besides that, Kelantan had become increasingly popular as a trading center. Furthermore, the development of Islamic rule in Kelantan has also experienced some conflicts and events such as civil war and diplomatic relations with the Siamese state.

Keywords: Islamic history, Manuscript of Sejarah Negeri Kelantan, Abdullah bin Hj. Wansa Patani, Development of Islam in Kelantan

Pendahuluan

Mengikut Ab. Aziz Deraman, negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan pelbagai keistimewaan dan sejarahnya sejak zaman berzaman. Ia terkenal sebagai lubuk budaya Melayu, pusat pemancaran agama Islam dan tradisi keilmuan. Sejarah negeri Kelantan telah memperlihatkan tahap yang menarik dari segi perkembangan politik, sosioekonomi dan wawasan kebudayaan yang unik dan dilihat sebagai sebuah negeri yang mencerminkan sifat kemelayuan yang diakui bukan sahaja oleh masyarakat tempatan tetapi juga oleh sarjana antarabangsa.¹

* Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar, Perak, Malaysia. Email:mohdz560@perak.uitm.edu.my.

** Norhayati Haji Hamzah, (corresponding author), Senior Lecturer, Department of Islamic History and Civilization, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: yati611@um.edu.my.

¹ Ab. Aziz Deraman (1991), "Dilemma Dan Cabaran Tamadun Kelantan" dalam *Mastika* Oktober 1991, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Malaysia Berhad, h. 15.

Sejarah telah mengakui negeri Kelantan adalah antara negeri yang terkenal terutamanya pada zaman kerajaan Champa dan dikenali sebagai *Tan-Tan* serta telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China semasa pemerintahan Dinasti Liang pada awal abad ke-6 M dan ke-7 M. Kelantan juga berfungsi sebagai pelabuhan penting di timur Tanah Melayu dan merupakan tempat persinggahan para pedagang Islam sebelum tahun 577 H. Ini membuktikan kewujudan kerajaan Islam Kelantan pada 577 H dan dianggap kerajaan Islam yang pertama wujud di Tanah Melayu.² Negeri Kelantan juga telah lama terkenal dengan kekuatan pengaruh Islam sejak zaman berzaman iaitu sejak tahun 577 H atau 1161 M lagi, berdasarkan dengan penemuan sekeping dinar emas di bekas tapak Istana Kubang Labu pada tahun 1914 M yang membuktikan kewujudan awal Islam di Kelantan dan telah terdirinya sebuah pemerintahan kerajaan Islam di Kelantan.³

Negeri Kelantan juga digelar Serambi Mekah dan merupakan negeri yang terkenal dengan pengajian pondok. Penuntutnya datang dari pelbagai tempat seperti Kampar, Sumatera, Kemboja, Patani dan juga dari negeri-negeri Semenanjung Malaysia.⁴ Para penduduknya terkenal dengan pegangan Islam yang kuat dan telah melahirkan ramai ulama yang terkenal antaranya Tuan Tabal, Tok Kenali, Tok Selehor, Tok Pulai Chondong dan Tok Kemuning. Para pemerintahnya juga mengikut kefahaman Islam yang tinggi, bahkan ada juga yang rapat dengan para alim ulama seperti Sultan Muhammad II, Sultan Mansur dan Sultan Ahmad. Keadaan ini sudah semestinya akan mempengaruhi sistem pentadbiran dan corak pemerintahan yang diamalkan oleh para pemerintah negeri Kelantan. Perkembangan pemerintahan di negeri Kelantan berkait rapat dengan Islam kerana sememangnya raja-raja yang memerintah akan mengamalkan ajaran Islam dalam pemerintahannya.

Negeri Kelantan telah mengalami pelbagai peristiwa dan perkembangan sejarah yang penting dan kebanyakannya telah ditulis dalam pelbagai bentuk seperti buku, jurnal, makalah dan yang paling penting ialah manuskrip. Banyak manuskrip-manuskrip lama telah dijumpai yang mengisahkan tentang sejarah negeri ini dalam pelbagai aspek seperti politik, jurai keturunan raja-raja dan peperangan. Manuskrip-manuskrip seperti *Hikayat Seri Kelantan*, *Syair Musuh Kelantan*, *Sejarah Negeri Kelantan* dan *Riwayat Kelantan* adalah antara manuskrip-manuskrip yang menceritakan perihal sejarah negeri Kelantan terutamanya berkaitan dengan pemerintah-pemerintah Islam di negeri Kelantan dan kebanyakannya adalah berbentuk sastera sejarah.

Manuskrip Melayu lama adalah sangat penting kerana ianya adalah khazanah silam daripada warisan pemikiran budaya, bangsa dan negara yang tidak ternilai harganya. Walaupun Nusantara mempunyai banyak koleksi manuskrip Melayu, khazanah ini akan hilang dan pupus seandainya tidak dijaga dengan sempurna atau dibiarkan begitu sahaja.⁵ Kelahiran penulis-penulis manuskrip dalam pelbagai bidang terutamanya yang berkenaan dengan negeri Kelantan telah mempelbagaikan lagi sumber sejarah negeri Kelantan. Malah, penulisan mereka dapat membantu dalam mengetahui tentang sejarah yang sebenar terutamanya dalam perkembangan pemerintahan di negeri Kelantan. Sebagai khazanah warisan Melayu yang penting dan wajar dipelihara, maka kajian terhadap manuskrip seperti *Sejarah Negeri Kelantan* hendaklah dititikberatkan dan dilakukan penyelidikan yang sewajarnya untuk menyelongkar atau mengkaji isi kandungannya. Hasil penyelidikan tersebut akan menjadi sumber ilmu yang sangat tinggi nilainya kepada masyarakat secara keseluruhannya dan bidang akademik secara khususnya.

Latar Belakang Manuskrip *Sejarah Negeri Kelantan* (SNK) Karya Abdullah Bin Hj. Wansa Patani

Perolehan Manuskrip

Pengkaji telah menemui teks ini daripada Katalog Ringkas Tambahan Perpustakaan Negara Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 1997. Manuskrip ini telah diberikan nombor panggilan khusus iaitu MSS 1757. Manuskrip ini telah diperolehi dan dibeli oleh pihak Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia daripada Ustaz Wan Mohd Shaghir Abdullah, seorang pengumpul serta pengkaji manuskrip pada 11 Mei 1993⁶.

Asal Usul

Menurut Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, kebanyakan manuskrip diperolehi dari Patani dan akhirnya tersebar ke Kelantan. Beliau tidak dapat memastikan dengan tepat di mana manuskrip SNK ini diperolehi kerana tempohnya yang agak lama dan tiada rekod dalam simpanan peribadinya tentang manuskrip ini. Selain itu, beliau mengatakan bahawa manuskrip ini merupakan salinan daripada naskhah asal berdasarkan kepada tulisan dan

² Hashim Abdullah (et.al.) (1998), *Perspektif Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya & Hizbi Sdn.Bhd., h. 4.

³ *Ibid.*, h. 5.

⁴ Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 9.

⁵ Maharram Binti Abdullah (2001/2002), *Transliterasi Dan Analisis Teks Sejarah Negeri Kelantan Sebagai sebuah Karya Sastera Sejarah* (Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya), h. 1.

⁶ Temu bual bersama Puan Nasimah Baharuddin, Pegawai Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia pada 25 Mei 2004 di Pusat Manuskrip Melayu, PNM dari jam 10-11 pagi.

kertas yang digunakan.⁷ Naskhah asli tidak diketahui di mana berada. Ini tidak menjadi satu masalah besar kerana kebanyakan manuskrip yang ada pada hari ini telah disalin beberapa kali oleh penyalin yang berlainan. Beliau juga mengatakan bahawa usaha ini bukan satu kesalahan dan wajar dilakukan bagi mengelakkan sesebuah manuskrip rosak dan pupus kerana peredaran zaman. Penyalin-penyalin manuskrip hanya melakukan proses penyalinan sahaja dan fakta-fakta yang ada tidak diselewengkan.

Pengarang dan Tarikh Penulisan

Manuskrip SNK telah ditulis oleh Abdullah Bin Hj. Wansa Patani bermula pada hari Ahad 11 Rabiulawal pada tahun Harimau. Tahun Harimau merujuk kepada bilangan tahun yang terdapat dalam kalender masyarakat Cina yang menggunakan tahun-tahun binatang seperti monyet, lembu dan kuda. Merujuk kepada kalender lunar masyarakat Cina, Tahun Harimau berulang kembali apabila menjangkau tempoh 12 tahun. Setelah proses pengiraan dilakukan, Tahun Harimau adalah bersamaan dengan tahun 1309 H/1891 M. Oleh itu, tarikh penulisan manuskrip ini ialah pada 11 Rabiulawal 1309 H bersamaan dengan 14 Oktober 1891 M.

Manuskrip ini juga selesai ditulis pada tahun yang sama (1309 H) sebagaimana yang terdapat pada manuskrip. Menurut Hj. Wan Mohd Shaghir, tarikh yang tercatat pada manuskrip ini adalah tepat. Penyalin manuskrip juga tidak menyatakan tarikh khusus penyalinan manuskrip ini selesai dilakukan. Maklumat yang terdapat pada manuskrip hanyalah tahun selesai proses penyalinan dilakukan iaitu pada 1309 H/1891 M.⁸ Jadi, dapat dikatakan manuskrip ini mengambil masa antara sebulan hingga dua bulan untuk selesai disalin sekiranya mengambil kira tahun selesai proses tersebut iaitu tahun 1309 H/ 1891 M.

Pada halaman akhir manuskrip, melalui bantuan Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, terdapat nama penyalin manuskrip ini iaitu Abdullah Bin Sarip Patani. Biodata pengarang dan penyalin manuskrip ini tidak diketahui kerana tiada maklumat diperolehi malah kedua-duanya tidak begitu dikenali dan masyhur.⁹

Ukuran, Halaman dan Jenis Kertas

Manuskrip ini ditutup dengan kulit dan berukuran 21 x 15 cm serta mengandungi 70 halaman bercetak. Bilangan muka surat tidak ditulis pada setiap halaman. Ia mempunyai 22 baris pada setiap halaman dan berada dalam keadaan lengkap sepenuhnya. Tetapi, pada halaman terakhir, ia hanya mengandungi 27 baris dan pada setiap baris tersebut mempunyai 10 hingga 11 patah perkataan.

Jenis kertas yang digunakan pula ialah kertas dari jenis Laid Eropah dan maklumat ini diperolehi pengkaji daripada petugas Pusat Manuskrip Melayu, PNM. Kertas yang digunakan adalah jenis kertas lama dan berkeadaan usang serta reput.

Bahasa dan Tulisan

Bahasa yang digunakan oleh pengarang teks ini adalah bahasa sastera Melayu lama dan dapat diperhatikan pada setiap ayat yang digunakan untuk menjelaskan isi kandungannya. Contohnya:

“... Lagi berkerja buat sangat-sangat mudah bagi rakyat jelata tiba-tiba pada suatu hari dan suatu malam bulan penuh purnama angin pun sejuk bertiup sepoi-sepoi bahasa serasanya menucukkan ke tulang hitam kedengaran pula sayup-sayup di pungguk merindukan bulan di waktu inilah Yang di-Pertuan Terengganu sedang bermuafakat dengan orang-orang besar Patani di halaman istananya kerana hendak melanggar negeri Kelantan yang tiada berjaya dialahkan dahulu itu... Tuhan Rabbul Alamin Yang Maha Kuasa kerana hendak memendekkan perkelahian di antara Yang di-Pertuan Terengganu dengan Yang di-Pertuan Negeri Kelantan dan hendak mengembalikan semula keamanan di dalam negeri itu dan hak-hak asal yang semula jadi dengan menciptakan pada yang keruh mengambil pula akan jernih maka permaisuri Yang di-Pertuan Besar Terengganu telah jatuh penyakit gering yang amat berat dengannya kegeringen permaisuri inilah menyebabkan Yang di-Pertuan Terengganu membatalkan rancangan-rancangannya itu...” (SNK, 1891: 48-49)

Tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi lama dengan jenis tulisan Khat Nasakh, ditulis menggunakan tangan dan susunannya agak kemas dan teratur. Tulisannya agak jelas dan nampak seakan-akan baru walaupun tidak secara keseluruhan kerana ia adalah sebuah naskhah salinan. Terdapat juga perkataan yang ditulis secara

⁷ Temu bual bersama Ustaz Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah pada hari Jumaat, 29 Disember 2006 di Persatuan Pengkaji Taman Melewar, Gombak dari jam 3.00-5.00 petang.

⁸ SNK, h. 70

⁹ Temu bual bersama Ustaz Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah pada hari Jumaat, 29 Disember 2006 di Persatuan Pengkaji Taman Melewar, Gombak dari jam 3.00-5.00 petang

bersambung dan menyukarkan proses pembacaan. Pada setiap perkara penting seperti nama tempat dan pemerintah, penulis teks ini telah menggunakan dakwat berwarna merah untuk memudahkan pembacaan. Jalan ceritanya pula ditulis dengan menggunakan dakwat hitam. Dakwat hitam lazimnya diperbuat daripada jelaga¹⁰ manakala dakwat merah pula diperbuat daripada jus daripada teras batang kayu sepang *Brazilwood*.¹¹

Keadaan teks

Secara keseluruhannya, manuskrip ini masih berada dalam keadaan baik dan lengkap setiap halamannya. Namun begitu, kerana keadaannya yang lama dan usang, terdapat sedikit kerosakan terutamanya pada halaman-halaman terakhir yang menyebabkan ianya tidak dapat dibaca dengan jelas. Terdapat juga beberapa patah perkataan dan tulisan yang tidak dapat dibaca dengan jelas kerana menjadi kabur dan tidak begitu terang.

Berkenaan bahagian luar teks ini, kulitnya berwarna hitam kelabu dan terdapat juga beberapa tompok putih seakan-akan ditumbuh kulat. Kertas pada bahagian halaman bercetak pula berwarna seakan-akan perang kekuningan mungkin kerana usia yang lama dan terdapat juga bahagian yang ditumbuh kulat.

Tema Dalam Manuskrip SNK

Manuskrip ini bertemakan pemerintahan negeri Kelantan bermula dari Sultan Mansur (1465-1526 M) sehingga ke zaman Sultan Muhammad II (1838-1886 M). Ia merangkumi antaranya berkaitan keturunan raja-raja Kelantan, pergolakan-pergolakan politik yang berlaku semasa pemerintahan raja-raja Kelantan, keadaan pemerintahan dan negeri, peperangan serta hukum Islam yang dijalankan semasa pemerintahan Sultan Muhammad II (1838-1886 M).

Sinopsis Manuskrip SNK

Manuskrip ini telah memulakan perihal pemerintahan di negeri Kelantan pada kurun ke-9 M iaitu seluruh negeri Kelantan telah diperintah oleh Sultan Mansur Syah, berketurunan daripada Raja Julian Syah yang memerintah negeri Perak. Baginda seorang sultan yang adil dan bijaksana menyebabkan negeri Kelantan berada dalam keamanan dan kesejahteraan. Perniagaan adalah menjadi sumber rezeki penduduk sehingga mendorong peniaga-peniaga dari luar seperti dari Patani datang ke Kelantan. Negeri Kelantan pada masa itu lebih masyhur dari Patani dan kemajuannya telah mendapat perhatian negeri Melaka yang diperintah oleh Sultan Mahmud. Disebabkan kemasyhurannya, negeri Kelantan telah diserang oleh angkatan Melaka yang diketuai Seri Maharaja dan akhirnya berjaya ditakluk oleh kerajaan Melaka. Walau bagaimanapun, tampak pemerintahan negeri Kelantan telah diserahkan kembali kepada Sultan Mansur Syah. Pemerintahan negeri Kelantan seterusnya telah dijalankan oleh keturunan-keturunan baginda iaitu Raja Gombak, Raja Ahmad dan Cik Siti Wan Kembang. Walau bagaimanapun, pemerintahan negeri Kelantan telah dijalankan oleh Raja Hussin dari Johor setelah kemangkatan Raja Ahmad.

Selepas pemerintahan Cik Siti Wan Kembang, pemerintahan negeri Kelantan telah terbahagi kepada beberapa kerajaan kecil seperti kerajaan Jembal, Jelasin, Mahligai, Legeh dan Kubang Labu. Kerajaan Jelasin dan Mahligai tidak bertahan lama manakala kerajaan Jembal bertambah kukuh selepas kejatuhan dua kerajaan tersebut. Semasa pemerintahan kerajaan Jembal, hubungan Kelantan dengan Patani bertambah erat yang memperlihatkan kedatangan anak-anak pembesar Patani ke Kelantan yang akhirnya telah berjaya memainkan peranan dalam politik dan pemerintahan negeri Kelantan. Ini disebabkan mereka telah dilantik sebagai pembesar yang berkuasa bagi sesebuah daerah tertentu seperti di Bukit Jarum Legeh dan Kota Kubang Labu.

Kerajaan Kubang Labu semasa pemerintahan Long Muhammad telah berjaya menguasai kerajaan Jembal. Kerajaan Kubang Labu pernah diserang oleh kerajaan Legeh akibat peristiwa pembunuhan adik pemerintah Legeh, Long Derahman oleh Long Muhammad. Setelah peristiwa ini, kerajaan Kubang Labu telah diperintah oleh adik almarhum Long Muhammad bernama Long Pandak. Oleh kerana timbulnya fitnah yang mengatakan Long Pandak ingin menghalau Long Yunus dari Kelantan dan perkhabaran bahawa Long Yunus pula ingin merampas pemerintahan Kubang Labu dari Long Pandak, maka telah terjadi peperangan yang dahsyat antara pihak Long Pandak dan Long Derahman dengan Long Yunus dan Long Ghaffar. Peperangan ini dimenangi oleh pihak Long Yunus dan Long Ghaffar.

¹⁰ Sumber utama bagi memperolehi jelaga ialah asap pelita ayam, sarang lelabah lama, jelaga yang didapati pada periuk dan juga arang kayu. Ia juga dicampur dengan kulit buah-buahan seperti kulit manggis dan rambutan muda untuk meningkatkan mutunya iaitu di segi kilauan dan kuasa pelekapan.

¹¹ Wan Ali Wan Mamat (2002), "Persiapan Untuk Kerja Menulis Manuskrip" dalam *Warisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, hh. 30-31.

Long Yunus akhirnya telah dilantik sebagai raja yang memerintah seluruh negeri Kelantan dan Long Ghaffar telah dilantik sebagai pembesar kepada Long Yunus di Jeram. Setelah kemangkatan Long Yunus dan Long Ghaffar, putera sulung Long Yunus, Long Muhammad telah dilantik sebagai pemerintah negeri Kelantan dengan seluruh jajahannya dengan bergelar Sultan Muhammad. Bermula dengan ini, maka kerajaan Jembal, Kubang Labu, Jeram dan Legeh telah terhapus dan diletakkan di bawah kekuasaan Sultan Muhammad sepenuhnya dan bukan lagi dibahagi-bahagikan seperti dahulu. Manuskip menyatakan:

“...setelah berlaku kemangkatan Long Ghafar dan Long Yunus itu maka putera Long Yunus yang sulung bernamanya Long Muhammad yang kemudian digelarkannya bernama Sultan Muhammad telahpun melantik menjadi pemerintah di dalam negeri Kelantan bersegala dengan daerah jajahannya iaitu pada tahun 1221 hijrah dan saudara-saudaranya Long Jenal dijadikan Bendaharaan Long Ismail dijadikan Raja Muda dan Long Tan dijadikan Temenggong semenjak itulah kerajaan Kubang Labu Jembal Jeram dan Legeh itu terhapus dan terserahnya di bawah kerajaan kekuasaan baginda Sultan Muhammad kesemuanya iaitu tiada lagi berbelah bahaginya pemerintahan seperti dahulu itu...” (SNK, 1891: 60)

Negeri Kelantan di bawah pemerintahan Sultan Muhammad telah diserang oleh kerajaan Terengganu dan Patani namun gagal dikalahkan. Semasa pemerintahan baginda, negeri Kelantan telah meminta perlindungan daripada kerajaan Siam yang merupakan sebuah kuasa besar ketika itu memandangkan negeri Kelantan telah diancam oleh negeri-negeri jiran seperti Terengganu dan Patani. Perkara ini telah diterima oleh Maharaja Siam dan negeri Kelantan telah menjadi negeri naungan Siam.

Setelah kemangkatan Sultan Muhammad, dengan persetujuan Tuan Senik Mulut Merah, iaitu anak saudara merangkap anak angkat Sultan Muhammad maka Long Jenal telah dilantik sebagai pemerintah negeri Kelantan. Namun akhirnya telah timbul pertelingkahan antara Long Jenal dan Tuan Senik dan terjadilah perperangan di antara kedua-dua pihak yang menyaksikan banyak kematian. Akhirnya, kemenangan telah dicapai oleh pihak Tuan Senik. Konflik yang berlaku di antara Long Jenal dan Tuan Senik Mulut Merah telah dijelaskan dalam manuskip seperti berikut:

“... kira-kiranya 7 bulan lamanya Long Jenal memegang tumpuk pemerintahan-pemerintahan terhadap negeri Kelantan ini dengan Tuan Senik perkelahian pada tahun 1256 hijrah di dalam akhir tahunnya maka berlakulah satu peristiwa yang tiada baik menyebabkan berbangkit perkelahian di antara baginda Long Jenal ini dengan Tuan Senik Mulut Merah tiap-tiap hari ada sahaja terjadi pertikaman di antara pihak Long Jenal dengan pihak Tuan Senik perkelahian ini semakin sehari semakin luas meribuknya@meributnya... Daripada berlaku perperangan itu beberapa lamanya kemudian Tuan Senik pun mengutuskan sepucuk surat mengadap Raja Ligor supaya membawak masuk mengadap Maharaja Besar Siam di Bangkok akan utusan-utusan ini menceritakan hal ehwal kejadian yang berlaku di antara dirinya dengan Long Jenal yang berkesudahannya Kerajaan Kelantan telah dapat ke tangan dengan sejahteranya selain dari itu ada juga menyebut tentang orang-orang besar dan adik beradik bersetuju melantikannya sebagai Yang di-Pertuan Negeri Kelantan...kehendak Tuan Senik bagi memajukan negeri itu apakala sampai utusan Maharaja Besar Siam itu maka dibacanya di hadapan orang besar-besarnya dan kepada rakyat jelatanya di Balai Penghadapan sambil memasyurkan ke merata-rata daerah yang Tuan Senik Mulut Merah telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan yang memerintahnya Negeri Kelantan dengan bergelaran ia pangkat memerintahnya ialah Sultan Muhammad Yang Kedua(11) ini berlaku pada tahun 1257 hijrah.” (SNK, 1891: 67)

Tuan Senik Mulut Merah telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad II dan telah disokong oleh kerajaan Siam. Semasa pemerintahan baginda, telah tercetus satu kekacauan yang dilakukan oleh Sultan Dewa yang memusuhiya sehingga negeri Kelantan menjadi kacau bilau. Akhirnya, Raja Negeri Chaiya, salah sebuah negeri di Benua Siam, telah datang membantu untuk menyuraikan pemberontakan ini sebagai tanda persahabatan. Dengan tipu helah Raja Chaiya terhadap Sultan Dewa yang bercita-cita menjadi pemerintah Kelantan, akhirnya beliau telah dibawa ke Siam oleh raja tersebut dan diberikan sebuah tempat tinggal di sana oleh Maharaja Siam dengan kawalan ketat orang-orang Raja Chaiya. Setelah selesainya perkara ini, Kelantan kembali aman dan baginda Sultan Muhammad dapat memerintah dengan teratur. Selepas kemangkatannya, negeri Kelantan diperintah pula oleh puteranya iaitu Tengku Sulong bergelar Sultan Ahmad. Pelantikan Tengku Sulong sebagai pemerintah negeri Kelantan telah digambarkan dalam manuskip:

“... telah baginda memerintah negeri Kelantan kira-kira 50 tahun maka sampai... dunia kepada tahun 1304 hijrah mangkatlah baginda yang terkenal dengan nama panggil-panggilan Sultan Mulut Merah dan jenazah itu dimakamkan di Langgar tempat permakaman diraja yang turun temurun setelah berlaku sahaja kemangkatan baginda itu iaitu salah seorang raja yang pemurah lagi adil terhadap pemerintahan negeri Kelantan ini maka kerajaan Kelantan pun diperintahkan pula oleh puteranya yang bernama Tengku Sulong dapat di gelar Sultan Ahmad...” (SNK, 1891: 70)

Sejarah Perkembangan Pemerintahan Islam Di Kelantan (1465-1756 M)

Zaman Pemerintahan Keturunan Sultan Mansur Syah (869-1088 H/ 1465-1677 M)

a) Sultan Mansur Shah (869-939 H/ 1465-1532 M)¹²

Sejarah pemerintahan Islam di negeri Kelantan berdasarkan manuskrip SNK bermula dengan pemerintahan Sultan Mansur Shah yang berketurunan Raja Julian Shah, pemerintah negeri Perak. Sultan Mansur Shah telah dikurniakan dengan tiga orang puteri iaitu Onang Kuning, Cupan dan Jubak serta seorang putera bernama Raja Gombak yang dilahirkan pada tahun 868 H/ 1464 M. Negeri Kelantan berada dalam keamanan dan kemakmuran di bawah pemerintahan Sultan Mansur Shah kerana baginda merupakan seorang raja yang adil dan bijak. Rakyat hidup sejahtera dan tidak wujud permusuhan antara satu daerah dengan daerah yang lain. Hasilnya, aktiviti perniagaan berjalan dengan pesat dan ramai para peniaga dari negeri lain telah datang bermiaga di Kelantan. Ini termasuklah orang-orang dari Patani kerana kemasyhuran negeri Kelantan telah mengatasi kemasyhuran negeri Patani pada masa itu sepatimana yang disebutkan dalam manuskrip iaitu:

“... maka di dalam pemerintahan baginda iaitu Sultan Mansur Shah yang pun adil dan bijaksana maka negeri Kelantan rakyat hidup aman sentosa dan aman makmur tiada berbalah pentah¹³ di dalam negeri itu dan tiada musuh memusuhi antara satu kariah dengan satu kariah kemudian banyaklah orang-orang negeri lain datang bermiaga dan menziarahi negeri Kelantan itu dan perniagaan pun sangat-sangatlah laku dan orang pun ramailah bermiaga dan masing-masing bekerja buat dengan tiada susah dan orang-orang luar negeri pun masuk ke negeri Kelantan itupun banyak juga seperti negeri Patani kerana namanya negeri Kelantan itu sangat-sangatlah masyhur lebih daripada negeri Patani lagi di masa itu...” (SNK, 1891: 2)

Perjalanan hukum Islam pada zaman Sultan Mansur Shah tidak pula diceritakan dalam manuskrip ini. Apa yang dapat disimpulkan ialah pada zaman ini pemerintahan Sultan Mansur Shah berada dalam keamanan dan kesejahteraan serta kemasyhurannya melebihi negeri Patani. Sultan Mansur hanya sempat memerintah selama 6 bulan sahaja selepas itu kerana baginda telah mangkat pada 939 H setelah jatuh sakit. Maka, puteranya yang sulung iaitu Raja Gombak telah ditabalkan menjadi raja Kelantan yang baru menggantikan ayahandanya, al-Marhum Sultan Mansur Syah. Manuskrip ini telah menyebut:

“...kehendak tuhan sekalian alam yang tiada seorangpun dapat menahannya selang 6 bulan sahaja Sultan Mansur Syah dapat memerintahkan negeri Kelantan itu setelah di kalahkan olehnya kerajaan Melaka maka baginda itupun jatuh sakit beberapa hari makin sehari makin kuat penyakit itu kemudian baginda Sultan Mansur Syahpun mati pada saat yang berbahagia dalam tahun hijrah 939...” (SNK)

b) Raja Gombak Ibn Almarhum Sultan Mansur Shah (939-955 H/1532-1548 M)

Raja Gombak telah ditabalkan sebagai Raja Kelantan pada 939 H/ 1532 M. Raja Gombak telah memelihara cucu saudaranya Raja Ahmad, iaitu anak kepada Raja Mansur, Raja Muda Pahang dan Raja Dewi, puteri kepada Sultan Mahmud dan Onang Kuning. Pengarang telah menulis:

“... setelah diketahui oleh Raja Gombak yang Raja Dewi beroleh dua orang putera itu lalu pergila ke negeri Pahang oleh Raja Gombak itu kerana hendak melihat cucundanya setelah ia sampai di negeri Pahang maka disambut oleh menantu itu dan anak puteri itu dan menteri-menteri, hulubalang sekalian kemudian duduk beberapa hari maka apabila Raja Gombak hendak kembali ke negeri Kelantan maka diambilah seorang cucundanya yang bernama Raja Ahmad kemudian membawa kembali dan dipeliharanya ke negeri itu...” (SNK, 1891: 7)

¹² Pemerintah negeri Kelantan yang ketiga jika dikira dari zaman pemerintahan Maharaja K' Umar (Engku Omar) (1411-1432 M). Beliau adalah anak kepada Sultan Iskandar Syah yang memerintah Kelantan dari tahun 1432-1465 M.

¹³ Berbalah pentah ialah perbalahan yang besar.

Raja Ahmad menjadi anak angkat baginda dan telah dilantik sebagai Raja Muda Kelantan memandangkan Raja Gombak tidak mempunyai zuriat. Negeri Kelantan di bawah pemerintahan Raja Gombak berada dalam keadilan dan keamanan. Kehidupan rakyat jelata berada pada tahap yang sangat baik dan aktiviti perniagaan berjalan dengan pesat sehingga negeri Kelantan menjadi masyhur ke negeri-negeri lain seperti Patani dan Pahang. Pengarang telah mencatatkan bahawa:

"... dalam tahun hijrah 939 maka raja Gombak putera baginda yang sulung dan yang tunggal itu pun telah ditabalkan menjadi raja itu di dalam negeri Kelantan menggantikan takhta kerajaan ayahandanya iaitu almarhum Sultan Mansur Shah setelah mereka itu mengganti ayahanda itu maka memerintahkan cukup adil dan aman damai tiada lagi musuh-musuh di negeri luar datang menyerang negeri Kelantan itu sebagaimana adil masa ayahanda memerintah negeri itu juga samanya kehidupan rakyat jelata dan berjual beli pun masih diteruskan hatta masyhurlah ke negeri lain-lain juga seperti Patani dan Pahang dan lain-lain negeri kemasyhuran negeri Kelantan..."
(SNK, 1891: 6)

Perkembangan dan perjalanan hukum Islam pada zaman Raja Gombak tidak diceritakan dalam manuskrip ini. Pada zaman ini, Raja Gombak dapat memerintah Kelantan dengan baik dan Kelantan berada dalam keamanan tanpa berlaku lagi serangan dari kerajaan lain.

c) Raja Ahmad Bin Raja Mansur (992- 1008 H/1584-1599 M)

Setelah tiga tahun memelihara Raja Ahmad, Raja Gombak telah jatuh sakit dan meninggal dunia. Raja Ahmad yang pada ketika itu berumur 10 tahun telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Kelantan pada tahun 992 H/1584 M menggantikan al-marhum Raja Gombak. Oleh kerana baginda masih kecil, teraju pemerintahan telah dijalankan oleh para pembesar negeri sebagaimana yang telah disebutkan dalam manuskrip seperti berikut:

"... Raja Ahmad dilantik menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Kelantan supaya menggantikan al-Marhum Raja Gombak di dalamnya tahun hijrah 992 tetapi Raja Ahmad itu belum lagi sampai umur dan masih kanak-kanak lagi sebab itulah pemerintahannya negerinya adalah dengan fikir bicara orang-orang besar negeri Kelantan itu adalah samanya dengan nenek saudaranya dahulu itu..."
(SNK, 1891: 8-9)

Apabila Raja Ahmad telah dewasa dan berkahwin dengan anak bongsu Nara diraja, iaitu Cik Banun¹⁴, baginda telah memegang teraju pemerintahan dan pentadbiran negeri Kelantan. Setelah tiga tahun memerintah, baginda telah memperolehi seorang cahayamata iaitu seorang puteri yang dinamakan Cik Siti Wan Kembang. Raja Ahmad telah mangkat semasa Cik Siti Wan Kembang berusia empat tahun. Pada zaman pemerintahan Raja Ahmad, tiada banyak perkara dan peristiwa penting yang berlaku.

d) Raja Hussin Johor Bin Raja Omar (1008-1023 H/1599-1614 M)

Raja Hussin¹⁵ dari negeri Johor telah datang ke Kelantan untuk menziarahi istiadat pemakaman Raja Ahmad. Memandangkan almarhum Raja Ahmad tiada pengganti dan Cik Wan Kembang masih kecil, maka Raja Hussin telah menawarkan diri untuk memerintah Kelantan di samping dapat memelihara Cik Wan Kembang sehingga dewasa. Pemohonan ini telah diterima dengan baik oleh para pembesar Kelantan dan beliau telah ditabalkan sebagai Raja Kelantan dengan gelaran Sultan Hussin. Raja Hussin telah menjalankan pemerintahan dengan baik dan mendapat kerjasama daripada para pembesar. Zaman pemerintahan baginda berada dalam keamanan dan kedamaian sebagaimana dahulu walaupun baginda berasal dari Johor.¹⁶ Manuskrip telah mencatatkan:

"... telahpun selesai sahaja permakaman jenazah almarhum Raja Ahmad ini maka Raja Hussin dari negeri Johor menawarkan diri hendak menjadikan Yangdi-ipertuan bagi negeri Kelantan dan ia pun sanggup pula hendak memelihara Cik Wan Kembang sampai dewasa dan ia sanggup sampai hatta habis hayat yang dikandungnya itu dengan mudahnya permohonan Raja Hussin itu pun diterima oleh pihak pembesar di dalam negerinya Kelantan itu kemudian sudah terima Raja Hussin itu maka ditabalkan menjadi sultan pemerintah negeri Kelantan dengan bergelar Sultan Hussin maka sultan

¹⁴ Anak bongsu Nara Diraja, salah seorang pembesarnya.

¹⁵ Sepupu Cik Banun. Nama penuhnya ialah Raja Hussin Bin Raja Omar Pahang. Raja Omar bergelar Sultan Ab. Jalil Shah II semasa menjadi Sultan Johor-Riau.

¹⁶ Dalam perkara ini, dapat dikatakan bahawa negeri Kelantan telah berada dalam pengaruh kesultanan Johor iaitu Kesultanan Johor-Riau apabila Sultan Hussin memegang teraju pemerintahan negeri Kelantan. Ini kerana hubungan yang berterusan di antara Kelantan dan kerajaan Johor-Riau masih utuh kerana apabila Melaka tewas akibat diserang oleh Portugis, maka Sultan Mahmud telah mengasaskan kerajaan Johor-Riau selepas kejatuhan Melaka. Hubungan ini dapat dilihat apabila negeri Kelantan telah diperintah oleh Sultan Hussin, iaitu putera kepada Sultan Johor-Riau, yang menurut Anker Rentse adalah putera kepada Sultan Ab. Jalil Shah II.

itupun memerintahnya di dalam negeri Kelantan itu dengan aman damai seperti raja-raja dahulunya maka tiadapun seorang pembesar-pembesar dalam istana benci kepada Sultan Hussin..." (SNK,1891: 9-10)

Raja Hussin telah memerintah negeri Kelantan selama 16 tahun (1008-1023 H/1599-1614 M). Semasa baginda sedang gering, maka baginda telah berpesan kepada para pembesar supaya melantik Cik Siti Wan Kembang memerintah Kelantan apabila baginda meninggal dunia. Pengarang telah menulis:

"...dengan Sultan Hussin memerintah negeri itu dengan senang lenang pemerintahan di dalam negeri Kelantan selamanya enam belas tahun Sultan Hussin pun jatuh sakit dengan takdir Tuhan tiadalah dapat mengubat penyakit itu ialah penyakitnya gering di dalam kegeringannya itulah baginda berwasiat kepada orang-orang besarnya supaya melantik Cik Wan Kembang jadi penggantinya..." (SNK,1891:10)

Raja Hussin telah mangkat pada tahun 1023 H/ 1614 M setelah dua bulan berada dalam keadaan gering dan telah dimakamkan di negeri Johor sebagaimana diceritakan dalam manuskrip:

"...dua bulan selepas Sultan Hussin berada di dalam kegeringen yang menderita itu maka pada tahun hijrah 1019 baginda telah pun meninggalkan dunia dengan penyakit gering itu juga kerana tiada dapatnya mengubat penyakit itu hatta sampailah meninggalkan dunia setelah baginda jenazah pun dimakamkan jenazah itu di permakaman Dirajanya di negeri Johor..." (SNK,1891: 10-11)

Berkenaan dengan pemerintahan beliau, tiada dicatatkan dalam manuskrip selain berada di dalam keamanan dan tidak berlaku sebarang pemberontakan walaupun baginda adalah kerabat Johor. Begitu juga dengan perjalanan hukum Islam tidak juga dicatatkan dalam manuskrip.

e) Cik Wan Kembang Binti Raja Ahmad (1024-1088 H/1615-1677 M)

Pada tahun 1024 H/1615 M Cik Wan Kembang telah ditabalkan sebagai pemerintah negeri Kelantan dengan persetujuan orang ramai dan para pembesar negeri yang memegang amanah Sultan Hussin dahulu. Manuskrip SNK menceritakan pertabalan baginda seperti berikut:

"... maka duduk empat ratus hari lamanya iaitulah pada tahun hijrah 1024 baharulah dilantik Cik Wan Kembang menjadikan Raja menggantikan almarhum Sultan Hussin dan sudah mendapat pertujuan di kalangan orang-orang ramai dan tertentu daripada orang-orang besarnya di dalam negeri tu yang boleh menanggung akan wasiatnya almarhum baginda itu..." (SNK,1891: 11)

Cik Wan Kembang telah bersemayam di Gunung Cinta Wangsa di Ulu Kelantan.¹⁷ Baginda menjalankan pemerintahannya dengan adil menyebabkan tidak berlaku permusuhan sama ada di dalam negeri maupun dengan negeri luar. Baginda tidak berkahwin dan telah menukar nama tempat persemayamannya daripada Gunung Dun Besar kepada Gunung Cinta Wangsa setelah dicadangkan oleh seorang pembesarnya.¹⁸

Dari segi ekonomi penduduk Kelantan semasa pemerintahan Cik Wan Kembang, kegiatan pertanian seperti menanam padi giat dijalankan. Selain pertanian, Cik Siti Wan Kembang telah memberi galakan dalam bidang penternakan seperti memelihara lembu dan kambing yang dijalankan di setiap tempat di negeri Kelantan sehingga bidang penternakan di Kelantan semasa pemerintahannya telah masyhur ke merata tempat. Di samping itu, kegiatan perdagangan telah berkembang dengan pesat sehingga menarik pedagang-pedagang dari luar datang bermiaga ke Kelantan kerana mereka mendapat keuntungan yang besar bermiaga di Kelantan. Manuskrip telah mencatatkan bahawa:

"... selepas Cik Wan Kembang tukarkan namanya itu dan bertambah-tambah masyhurlah dan makmur maka sebab itulah ramai orang-orang dagangnya dari luar negeri terutama masuk bermiaga di dalam negeri ini...Cik Wan Kembangpun memerintahnya kepada orang-orang besar di dalam negeri Kelantan itu menyuruh mereka pergi tiap-tiap buah kampung dan tiap-tiap buah dusun menyuruh rakyat jelata memeliharkan binatang-binatang tiap-tiap orang seperti kerbau lembu,

¹⁷ Ini disebabkan tempat tersebut selamat daripada gangguan pihak luar terutama daripada pihak Siam yang dianggap paling berkuasa ketika itu. Lihat N.A. Halim, "Puteri Saadong Berakhir Di Bukit Marak," *Mingguan Malaysia*, 28 Oktober 1979. Gunung ini sekarang dikenali dengan nama Gunung Ayam dalam jajahan Kuala Krai, Kelantan.

¹⁸ Nama ini ditukar dengan tujuan untuk mengenang jasanya dalam memerintah negeri Kelantan. Nama ini telah masyhur sehingga ke merata tempat termasuk ke luar negeri seperti di negeri Perak, Johor, Melaka dan Patani.

Perkembangan Pemerintahan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskip Sejarah Negeri Kelantan kambing biri-biri, ayam dan itik kerana pada masa sekarang ini negeri kita sudah masyhur dengan ternakan binatang dan pihak orang luar pun suka juga berniaga kerana mudahnya dapat untung berkali ganda..." (SNK,1891: 13-14)

Kesimpulannya, zaman pemerintahan Cik Siti Wan Kembang telah menyaksikan perkembangan yang pesat dari sudut ekonomi iaitu pertanian, penternakan dan perdagangan yang telah memasyhurkan lagi nama Kelantan. Baginda telah memerintah negeri Kelantan dengan aman, adil dan saksama. Pelaksanaan hukum Islam pada zamannya tidak dinyatakan dalam manuskrip.

Zaman Pemerintahan Kerajaan Jembal (1047 H/ 1638 H)

a) Raja Sakti (1047-1059 H/1638-1649 M)

Menurut manuskrip SNK, semasa pemerintahan Cik Wan Kembang, telah wujud sebuah kerajaan di daerah Mentuan, Bachok iaitu kerajaan Jembal¹⁹ yang diperintah oleh Raja Sakti dan permaisurinya Puteri Mani Kemenyan berketurunan Raja Bersiong yang berasal dari Kedah. Raja Bersiong telah melarikan diri daripada buruan adiknya yang berpangkat Raja Muda sehingga sampai ke Kelantan bersama-sama isteri dan dua orang anak angkatnya iaitu Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan. Apabila sampai di Kampung Jembal, baginda telah mengahwinkan kedua-dua anak angkatnya serta telah melantik Raja Sakti sebagai Raja di Jembal. Cerita di atas dapat dilihat berdasarkan penulisan dalam teks SNK seperti berikut:

"...semasa Cik Siti memerintah di Gunung Cinta Wangsa dengan adil dan aman makmur itu maka terwujudlah pula sebuah kerajaan lagi di Jembal iaitulah suatu tempat yang terletak daerah Mentuan jajahan Bachok pada sekarang ini terlekatlah namanya Bachok dan nama lagi berhampiran itu ialah Kedai Lalat dan rajanya bernama Raja Sakti dan permaisuri bernamanya Puteri Mani Kemenyan yang keturunan itu daripada Tok Raja Bersiong Tok Raja ini asal datang daripadanya negeri Kedah kerana diburu oleh adindanya yang berpangkat Raja Muda kemudian dimasukkan ia ke Kelantan berjalan daripada suatu daerah kepada suatu daerah yang lain hatta melarat sampai mereka ke kampung Jembal itu dengan isteri serta dua orang anaknya angkat satu laki-laki dan satu lagi perempuan yang laki-laki itu ialah Raja Sakti dan yang perempuan itu bernamanya Puteri Mani Kemenyan kemudian Tok Raja Bersiong memasyhurkan kepada orang-orang dan penduduk di kampong Jembal itu dan kepada daerah-daerahnya mengatakan yang Raja Sakti ini keluar dari buluh betul dan Puteri Mani Kemenyan pun timbul daripada buih-buihnya lebat kemudian daripada itu dipersatukan diantara kedua-duanya anak angkatnya dan melantik Raja Sakti menjadi raja di Jembal..." (SNK,1891: 16-17)

b) Raja Loyor Bin Raja Sakti (1059 H/1649 M)

Sebelum Raja Sakti dan isterinya Puteri Mani Kemenyan menghilangkan diri, Raja Sakti telah melantik puteranya, Raja Loyor sebagai Raja di Jembal pada tahun 1059 H/1649 M. Di samping itu, baginda juga telah melantik Raja Bahar sebagai bendahara, Raja Omar sebagai Temenggong dan Raja Sungai sebagai Raja Muda. Kerajaan Jembal di bawah pemerintahan Raja Loyor berada dalam keadaan aman sentosa sama seperti keadaan Kelantan pada zaman pemerintahan sebelumnya sepertimana yang digambarkan dalam manuskrip seperti di bawah:

"...Raja Sakti dan isterinya pun ghaiblah di tempat berlimau itu daripada pandangan orang ramai dengan tiada diketahui lagi akan kemudiannya itu sampai sekarangnya...kemudian negeri itu pun diperintah oleh Raja Loyor dengan aman dan sentosa sebagaimana orang dahulu memerintah negeri Kelantan itu dan dapatlah rakyat jelata hidup bahagia..." (SNK,1891: 18)

Raja Loyor telah memperolehi seorang puteri yang dinamakan Puteri Saadong setelah anak sulungnya, Raja Sakti meninggal dunia semasa berumur setahun. Puteri Saadong telah dijadikan anak angkat oleh Cik Siti Wan Kembang dengan persetujuan Raja Loyor dan telah dibawa ke Gunung Cinta Wangsa.²⁰ Kecantikan Puteri Saadong telah tersebar luas ke merata negeri seperti negeri Terengganu, Perak, Pahang, Melaka, dan Patani sehingga ke negeri Siam. Akhirnya, Puteri Saadong telah dipinang oleh Maharaja Siam tetapi pinangan tersebut

¹⁹ Sekarang dipanggil Kedai Lalat.

²⁰ Ini disebabkan hubungan Cik Siti Wan Kembang dengan kerajaan Jembal sangat erat. Oleh kerana Cik Siti Wan Kembang tidak berkahwin, maka beliau telah meminta keizinan Raja Loyor untuk memelihara Puteri Saadong.

ditolak oleh Cik Siti Wan Kembang dan Raja Loyor kerana beberapa sebab seperti perbezaan nama, agama dan faktor negeri Siam terletak sangat jauh dari negeri Kelantan.²¹

Dapat diperhatikan bahawa kerajaan Jembal telah wujud semasa pemerintahan Cik Siti Wan Kembang. Sebab-sebab kewujudannya tidak pula dinyatakan dalam manuskrip serta sumber-sumber lain. Mungkin kerana unsur mitos yang dicanangkan oleh Raja Bersiong telah mempengaruhi penduduk-penduduk Jembal untuk menerima Raja Sakti sebagai Raja Jembal kerana masyarakat dahulu amat mempercayai perkara mistik dan unsur-unsur sakti dalam kehidupan mereka. Hubungan antara kerajaan Jembal dan kerajaan Cik Siti Wan Kembang amat erat sehingga anak Raja Loyor iaitu Puteri Saadong telah dijadikan anak angkat oleh Cik Siti Wan Kembang. Pemerintahan Raja Loyor berada dalam keamanan sebagaimana pemerintahan terdahulu. Perjalanan hukum Islam pada zamannya tidak disebutkan dalam manuskrip.

Zaman Kerajaan Jembal II (1086-1169 H/1675-1756 M)

Selepas kejatuhan kerajaan Kota Mahligai, kerajaan Jembal telah muncul kembali dan diasaskan oleh Raja Omar. Pemerintahan kerajaan Jembal II ini agak berbeza dengan pemerintahan Kelantan sebelumnya. Zaman ini menyaksikan kemasukan pengaruh Patani di dalam pemerintahan Kelantan dan penguasaan pemerintahan negeri Kelantan oleh keturunan diraja Patani selepas itu melalui hubungan perkahwinan dengan anak pembesar Jembal sebagaimana yang akan diterangkan selepas ini.

a) Pemerintahan Raja Omar Bin Raja Sakti (1086 H/1675 M)

Raja Omar, asalnya adalah seorang Temenggung telah memerintah kerajaan Jembal selepas kemangkatan saudaranya, Raja Loyor. Baginda mempunyai dua orang putera, yang sulung bernama Raja Kecil Sulong yang bergelar Raja Muda²² dan yang bongsu bernama Raja Ngah.²³ Semasa pemerintahan Raja Omar, kerajaan Jembal telah kembali masyhur ke seluruh negeri dan kerajaan Mahligai telah runtuh kerana rakyatnya telah berhijrah ke Jembal.²⁴ Manuskrip menceritakan:

"... maka kerajaan Jembal pun diperintahlah oleh Raja Omar yang pada masa dahulu menjadi Temenggong mengganti saudaranya Raja Loyor semasa baginda menjadi raja dan menjalankan tadbir pemerintahan di Jembal itulah kerajaan Jembal telah pulih semula masyhurnya ke seluruh negeri hatta kerajaan Kota Mahligai itu terhapus langsung kerana rakyat sakatnya habis lari masuk ke negeri Jembal mempertuankan kepada Raja Omar..." (SNK, 1891: 33)

1. Kedatangan Anak-Anak Pemerintah Patani

Raja Omar telah bersahabat baik dengan Tok Pengkalan Tua²⁵ yang memerintah Patani pada ketika itu. Dengan sebab inilah, maka tiga orang anak Datuk Pengkalan Tua Patani itu datang ke Kelantan dan mengadap Raja Omar di Jembal pada tahun 1109 H/1697 M. Mereka ialah Tuan Sulong, Tuan Besar dan Tuan Senik. Mereka telah bermaustatin di Kelantan dan telah dikahwinkan oleh Raja Omar. Tuan Sulong telah dikahwinkan dengan Cik Biru anak Penghulu Hitam di Kampung Laut, Tuan Senik dengan Incik Seku anak Penghulu Derahmah, orang besar Raja Omar di Kampung Geting manakala Tuan Besar pula dikahwinkan dengan puterinya sendiri iaitu Raja Pah. Manuskrip menceritakan:

"... baginda Raja Omar telah bersahabat baik dengan Tok Pengkalan Tua yang memerintah di jajahannya takluk negeri Patani pada masa itu oleh kerana persahabatan yang muhibbah pada inilah suatu hari 3 orang anak Datuk Pengkalan Tua Patani itu datang ke Kelantan dan masuk mengadap Raja Omar di Jembal iaitu namanya Tuan Sulong dan Tuan Besar dan Tuan Senik iaitu kira-kiranya dalam tahun 1109 hijrah di agakkannya dan kemudian beberapa bulan itu mereka berada di negeri Kelantan ketiga-tiga orang anak Datuk Pengkalan itu tuanya dan duduk ia di negeri Kelantan tiada kembali lagi ke negeri ia iaitu negeri Patani kemah²⁶ duduk di negeri Kelantan maka setuju oleh Raja Omar bahawa hendak dikahwin yang bernamanya Tuan Sulong akan dakahwinkan dengan Cik Biru anak seorang Penghulu Hitam yang duduk di Kampung Laut dan Tuan Senik dikahwinkan dengan Incik Seku anak Penghulu Deramah anak orang besarnya juga yang

²¹ Yang dimaksudkan di sini ialah Bangkok. Pada zaman ini, Patani dan wilayah sekitarnya belum lagi menjadi jajahan Siam.

²² Raja Kecil Sulong mendapat gelaran Raja Muda kerana jasanya membina Kota Teras. Ia sekarang disebut Kampung Teras berhampiran Kampung Mentuan, Bachok, Kelantan. Kota ini telah dibuat dari teras kayu tembesu.

²³ Masyhur dengan nama Raja Hudang yang memerintah di tebing tinggi Pusaran Buih, atau Tanjung Chat sekarang, berhampiran Kota Bharu.

²⁴ Kerajaan Jembal kembali masyhur kerana kerajaan Mahligai telah runtuh dan penduduknya tidak lagi mempunyai pemimpin.

²⁵ Namanya Wan Daim B. Wan Nik Badrul al-Salam berasal daripada keturunan anak-anak Raja Bugis bernama Faqih Ali. Beliau juga dikenali sebagai Datuk Jambu Patani.

²⁶ Kuat atau selesa.

Perkembangan Pemerintahan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskip Sejarah Negeri Kelantan duduk di Kampung Geting dan Tuan Besar pula dikahwinkannya dengan puterinya sendiri yang bernamanya Raja Pah..." (SNK,1891: 33-34)

2. Pelantikan Anak-Anak Raja Patani Sebagai Pembesar Jajahan Jembal

Dengan berlakunya perkahwinan antara anak-anak pembesar Patani dengan anak-anak pembesar Jembal, maka mereka telah dikurniakan beberapa kawasan oleh Raja Omar untuk diperintah. Tuan Senik Bin Wan Daim telah dilantik sebagai raja di Bukit Jarum Legeh²⁷ yang kotanya bernama Kota Pasir Mas dan telah mendapat seorang putera yang bernama Long Yunus dan dua orang puteri iaitu Tuan Dewi dan Tuan Kembang. Tuan Sulong Bin Wan Daim pula telah mendapat empat orang anak iaitu dua orang putera dan dua orang puteri. Putera yang sulong bernama Long Muhammad, kedua bernama Long Pandak, ketiga Puteri Tengah dan yang bongsu Tuan Mah. Pada tahun 1111 H/1699 M, Tuan Sulong telah membina istana di Kubang Labu²⁸ setelah bermesyuarat dan dipersetujui oleh para pembesar. Manuskip menceritakan:

"... lebih kurang di dalam tahun 1111 hijrah kemudian Tuan Sulong pula ingin hendak membuat istana dan suruh mencari tukang-tukang yang bijak pandai membuat istana kemudian dipanggil orang-orang besar-besar dan Dato' menteri bermesyuaratlah bahawa hendak dibuat akan istana di Kubang Labu ini kemudian telah datang bermesyuarat oleh segala orang-orang besar maka membuat keputusan itu membuat istana dengan segeranya..." (SNK,1891:35)

Walau bagaimanapun, Tuan Sulong telah meninggal dunia setelah istana tersebut selesai pembinaannya dan puteranya, Long Muhammad telah dilantik menggantikan beliau sebagai raja. Long Pandak pula telah berhijrah ke Kota Keranji²⁹ sebagaimana diceritakan dalam manuskip seperti berikut:

"...setelah tiada beberapa hari kemudian melantikkan Long Muhammad gantikan Tuan Sulong itu dan Long Pandak berpindah pergi semayam di Kota Keranji..." (SNK,1891: 37)

b) Tuan Besar (Long Bahar Bin Wan Daim) (1133-1145 H/1721-1733 M) dan Long Sulaiman Bin Long Bahar (1145-1169 H/1733-1756 M)

Pemerintah Jembal iaitu Raja Omar telah jatuh sakit dan mangkat dan Tuan Besar³⁰ iaitu menantunya telah dilantik sebagai pemerintah Jembal sehingga tahun 1118 H/1706 M.³¹ Selepas itu, Long Sulaiman Long Nik, putera Tuan Besar dari Patani telah menggantikan Tuan Besar memerintah Jembal setelah kemangkatannya pada tahun 1118 H/1706 M. Manuskip menceritakan:

"... Raja Omar pun jatuh ia sakitnya dengan sakitnya teruk maka tiada ada harapan bagi itu tiada berapa hari Raja Omar pun mangkat kembali ke rahmatullah dengan sakitan itu juga dan jenazah pun dikebumikan beberapa hari kemudian meletakkan Tuan Besar akan kerajaan di Jembal itu sampai kepada tahun 1118 hijrah kemudian Tuan Besarpun jatuh sakit hatta sampailah Tuan Besar mati padanya tahun itu juga maka jenazah Tuan Besar pun dikebumikan dengan upacara adat istiadat diraja dari zaman dahulu kala lagi setelah selesai akan kebumikan jenazah itu maka tiada berapa lamanya maka gantilah ataupun terserahlah kepada puteranya daripada negeri Patani asalnya itu yang bernamanya Long Sulaiman Long Nik..." (SNK, 1891: 37-38)

Pemerintahan Long Sulaiman tidak lama kerana telah timbul persengketaan antaranya dengan menantunya sendiri iaitu Long Derahman. Akhirnya, Long Sulaiman telah mati ditikam oleh Long Derahman. Dengan ini, kerajaan Jembal terletak dibawah kekuasaan kerajaan Kubang Labu yang pada masa itu diperintah oleh Long Muhammad, putera Tuan Sulong. Manuskip menceritakan:

"...kematian Long Sulaiman atau Long Nik itu maka kerajaan Jembalpun tertakluklah dibawah kerajaan kekuasaan Kubang Labu yang telah diperintahnya oleh Long Muhammad putera Tuan Sulong maka memerintahlah di Kubang Labu itu..." (SNK)

²⁷ Kini dikenali sebagai Narathiwat yang berada dalam wilayah Thailand.

²⁸ Terletak di antara Pasir Pekan dan Wakaf Bharu di jajahan Tumpat sekarang.

²⁹ Terletak di antara Kampung Laut dan Kok Keli, jajahan Tumpat sekarang.

³⁰ Dikenali juga dengan nama Long Bahar.

³¹ Perkara ini berlaku disebabkan putera baginda Raja Kecil Sulong yang memerintah Kota Teras tidak mahu mengambil alih pemerintahan kerajaan Jembal setelah kemangkatnya Raja Omar. Dengan persetujuan beliau, maka Tuan Besar iaitu adik iparnya telah dilantik sebagai pemerintah Jembal. Lihat N.A. Halim, "Puteri Saadong Berakhir Di Bukit Marak," *Mingguan Malaysia*, 28 Oktober 1979.

Pemerintahan Tuan Besar dan juga Long Sulaiman secara umumnya berada dalam keamanan walaupun terdapat persengketaan yang akhirnya membawa kepada pembunuhan. Manuskip *SNK* tidak menyebut berlakunya sebarang pemberontakan menentang pemerintahan mereka walaupun mereka bukan keturunan Jembal. Berkenaan perjalanan hukum Islam semasa pemerintahan Jembal, tiada perenggan dalam manuskrip yang menjelaskan perkara tersebut.

Dengan bermulanya kedatangan anak-anak pemerintah wilayah Patani, iaitu Datuk Pengkalan Tua dan berlakunya kemangkatan Raja Omar, maka tampak pemerintahan kerajaan di Kelantan telah mula dikuasai oleh kerabat-kerabat Diraja Patani. Setelah kemangkatan Raja Omar, maka berakhirlah zuriat pemerintah Jembal daripada keturunan Raja Sakti memerintah negeri Kelantan kerana Tuan Besar adalah anak pembesar Patani yang juga merupakan menantu almarhum Raja Omar. Keturunan pemerintah Kelantan seterusnya adalah titihan atau keturunan daripada kerabat Patani dan takhta kerajaan Kelantan telah mula dikuasai oleh mereka. Penguasaan kerajaan Jembal di Kelantan telah berakhir setelah kemangkatan Long Sulaiman dan kerajaan Kubang Labu mula memerintah negeri Kelantan.

Kesimpulan

Manuskrip *SNK* merupakan antara warisan sejarah yang sangat bernilai kepada masyarakat Melayu di Malaysia terutama di negeri Kelantan kerana ia merupakan sumber primer yang menceritakan tentang pemerintahan dan perkembangan Islam di Kelantan bermula pada abad ke-15 sehingga abad ke-20 Masihi. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memfokus kepada perkembangan pemerintahan Islam di Kelantan dari abad ke-15-ke-18 iaitu bermula zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1465-1526 M) hingga ke zaman Long Sulaiman Bin Long Bahar (1733-1756 M). Berdasarkan pengkajian terhadap manuskrip *SNK*, maka didapati pemerintahan Islam di negeri Kelantan pada waktu tersebut telah mengalami proses perkembangan sejarah merangkumi zaman pemerintahan yang stabil dan aman serta zaman berlakunya pergolakan politik akibat perebutan takhta pemerintahan yang membawa kepada perperangan.

Zaman kegemilangan pemerintahan Islam yang stabil bermula dari zaman Sultan Mansur Syah sehingga Cik Siti Wan Kembang (1024-1088 H/ 1615-1677 M) telah memberi implikasi yang besar kepada negeri Kelantan. Kelantan menjadi makmur dengan perkembangan ekonomi yang pesat dan rakyat hidup di dalam keamanan terutamanya semasa pemerintahan Cik Siti Wan Kembang. Malah, Kelantan menjadi bertambah masyhur sebagai pusat perdagangan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pergolakan politik pada zaman selepas pemerintahan Cik Siti Wan Kembang berikutnya wujudnya kerajaan-kerajaan kecil seperti kerajaan Jembal, Legeh dan Mahligai yang berkuasa dan mentadbir wilayah masing-masing, namun pemerintahan Islam di Kelantan tetap kekal dan berkembang.

Pemerintahan Islam di negeri Kelantan turut menyaksikan pemerintahan oleh para pemerintah yang berasal dari negeri Perak, Johor dan akhirnya Patani. Pelantikan anak-anak pemerintah Patani Sebagai Pembesar Jajahan Jembal telah mengimplikasikan bahawa pemerintahan negeri Kelantan bakal didominasi oleh keturunan kerabat Patani iaitu keturunan Long Yunus (pemerintah Kelantan dari tahun 1762-1794 M). Ini terbukti apabila keturunan Long Yunus telah berjaya mengekalkan kekuasaan di negeri Kelantan lebih dari tiga abad jika diambil kira daripada bermulanya pemerintahan Long Yunus di Kelantan sehingga pemerintahan negeri Kelantan sekarang.

Kesimpulannya, perkembangan pemerintahan Islam di negeri Kelantan berlangsung dengan baik sepanjang tempoh 1465-1756 M berdasarkan catatan di dalam manuskrip *SNK*. Bahkan, pemerintahan Islam di Kelantan berlangsung dengan baik sehingga kini tanpa berlaku sebarang konflik yang serius. Impikasinya, Islam turut berkembang pesat di negeri Kelantan di mana pemerintahan dan perundungan Islam telah diamalkan dengan meluas pada zaman Sultan Muhammad I (1800-1837 M) iaitu dengan perlantikan ulama sebagai penasihat sultan dalam pentadbiran negeri Kelantan. Kemudian, perjalanan pentadbiran Islam telah diteruskan oleh pengganti-pengganti baginda dengan dilakukan beberapa pengubahsuai bagi meningkatkan taraf pentadbiran Islam. Contohnya, jawatan mufti dan hakim telah diwujudkan serta penubuhan mahkamah Syariah pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886 M). Ini menunjukkan bahawa pemerintah memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Kelantan. Oleh itu, cabaran-cabaran dalam mengekalkan pemerintahan Islam dan pemerintah Islam di Kelantan perlu dihadapi dan ditangani bagi memastikan kelangsungan Islam di negeri tersebut.

Perkembangan Pemerintahan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskip Sejarah Negeri Kelantan
Rujukan

- Ab. Aziz Deraman (1991), "Dilemma Dan Cabaran Tamadun Kelantan," dalam *Mastika* Oktober 1991, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Malaysia Berhad.
- Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Nakula (1981), *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Auni Hj. Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Hashim Abdullah (et al.) (1998), *Perspektif Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya & Hizbi Sdn.Bhd.
- Haziyah Hussin (2004). "Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau," *Jebat 31*, 15-38.
- Katalog Manuskip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Keempat. (2006), Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mahayuddin Hj. Yahya (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maharram Binti Abdullah (2001/2002). *Transliterasi Dan Analisis Teks Sejarah Negeri Kelantan Sebagai Sebuah Karya Sastera Sejarah* (Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya).
- Nik Ahmad b. Hj. Nik Hassan (1964/65). "Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus Kelantan dari Tahun 1756-1920," *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bil. 1, Kota Bharu: Persatuan Sejarah Kelantan.
- Nik Mohamed b. Nik Mohd Salleh (1987). "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" dalam Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman (ed), *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah Malaysia*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Wheatley, Paul (2010). *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rahmat Saripan (1979). *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff, William R. (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics in Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Shahril Talib (2003), *History of Kelantan 1890-1940*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- S.Q. Fatimi (1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Wan Ali Wan Mamat (2002). "Persiapan Untuk Kerja Menulis Manuskip" dalam *Warisan Manuskip Melayu*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 30-31.
- Wan Ali Wan Mamat (2014). *An Introduction to Malay Manuscripts*, Kuala Lumpur: IIUM Press.

Lampiran



Lampiran A: Kulit hadapan manuskrip SNK



Lampiran B: Halaman pertama dan kedua manuskrip SNK



Lampiran C: Halaman tengah manuskrip SNK